

RESIT AMANAH
(Dokumen Pengiriman Sandaran)

No. :	
-------	--

Tarikh:

Pengurus

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

Tuan/Puan,

Atas persetujuan Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") memberikan kepada kami Dokumen Pengiriman bagi barangan, sebagaimana butiran yang terdapat pada kaki halaman, yang disandarkan kepada Bank sebagai jaminan cagaran bagi pembayaran draf yang tersebut di bawah yang dikeluarkan dan diterima oleh saya/kami, saya/kami dengan ini berjanji untuk memungkah, menyimpan dan memegang barangan tersebut dan perolehan jualan tersebut sebagai Pemegang Amanah untuk dan bagi pihak Bank dan sekiranya barangan tersebut atau mana-mana bahagiannya dijual dan diserahkan sebelum pembayaran penuh dibuat bagi draf tersebut, perolehan jualan tersebut akan diterima oleh saya/kami sebagai Pemegang Amanah untuk Bank bagi tujuan pembayaran draf yang berkaitan dan kami dengan ini bersetuju dan mengaku janji untuk memastikan semua atau mana-mana barangan tersebut tidak diberikan kepada sesiapa melainkan dalam perjalanan biasa urusan.

Saya/Kami selanjutnya mengaku janji untuk memastikan bahawa barangan yang tersebut mempunyai perlindungan insurans sepenuhnya yang ditanggung oleh saya/kami terhadap kebakaran, risiko marin dan sebarang risiko lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank pada nilai boleh insurans sepenuhnya barangan tersebut dan untuk menyerahkan kepada Bank segala amaun yang diterima daripada penanggung insurans, di mana sementara itu polisi insurans dipegang oleh saya/kami sebagai Pemegang Amanah untuk dan bagi pihak Bank, dan untuk menyediakan dan mengekalkan dana yang mencukupi dengan Bank bagi pembayaran draf yang tersebut di bawah pada tarikh matang.

Saya/Kami juga mengaku janji untuk memulangkan kepada Bank pada bila-bila masa apabila dituntut, baki barangan yang perolehan jualannya masih belum diterima oleh Bank.

Saya/Kami mengesahkan bahawa dengan menandatangani Resit Amanah ini saya/kami telah bersetuju untuk menerima sebarang percanggahan dan/atau ketaksekatan yang terdapat pada Dokumen Pengiriman di mana bil ini dikeluarkan di bawah Surat Kredit yang diterbitkan oleh Bank atas arahan saya/kami dan Bank diberi kebenaran untuk mengetepikan sebarang rizab yang berkaitan dengan percanggahan dan/atau ketaksekatan pada Dokumen Pengiriman tersebut.

Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi dan melindungi Bank sepenuhnya daripada segala bentuk tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami, ditanggung atau dihadapi oleh Bank yang berpunca daripada ketiadaan atau sebarang kecacatan pada dokumen hak milik barangan tersebut dan kami dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit amaun tersebut daripada akaun saya/kami dengan Bank pada bila-bila masa.

Saya/Kami memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Semasa/Overdraif saya/kami pada tarikh pembayaran yang ditetapkan atau mana-mana tarikh selepas itu sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank amaun bil atau sebahagian daripadanya termasuk faedah dan segala caj yang terlibat.

Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank"), pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berkaitan permohonan ini kepada Payment Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), penyelia perkhidmatan untuk Bank, penama, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Ketiga") untuk tujuan yang diperlukan berkaitan dengan permohonan pembiayaan. Maklumat yang akan didedahkan ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada invois, surat kredit dan maklumat lain yang berkaitan yang mungkin disimpan oleh Bank, PayNet dan/atau Pihak Ketiga.

Kami juga mengesahkan bahawa pendedahan sedemikian tidak boleh ditarik balik dan Bank tidak akan bertanggungjawab kerana memberikan maklumat tersebut atau akibat daripada sebarang pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan mengikut permohonan ini melainkan jika diberitahu sebaliknya oleh kami secara bertulis.

Sebagai tambahan kepada sebarang hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada Bank, saya/kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada saya/kami menyatukan atau menggabungkan mana-mana akaun saya/kami dengan sebarang liabiliti dan obligasi terhutang atau ditanggung oleh saya/kami kepada Bank dibawah ini dan Bank boleh menolak selesai atau memindahkan sebarang jumlah daripada salah satu atau lebih akaun saya/kami untuk melunaskan sebarang obligasi dan liabiliti saya/kami yang perlu dibayar kepada Bank sama ada liabiliti tersebut adalah sebenar atau bersyarat.

Yang benar,

Nama:

No. Bil :

Penandatanganan yang Dibernarkan & Cap Syarikat

Usans:

BUTIRAN BIL DAN BARANGAN

Amaun Draf	Genap Tempoh	Huraian Barangan	Tanda dan Nombor	Kapal